

# ASPIRIN TABLET

Aspirin (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Aspirin
2. Bagaimana Aspirin berfungsi
3. Sebelum mengambil Aspirin
4. Cara mengambil Aspirin
5. Semasa menggunakan Aspirin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Aspirin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Aspirin

- Aspirin digunakan untuk melegakan kesakitan ringan hingga sederhana seperti sakit kepala, kesakitan senggugut, sakit otot dan sakit gigi. Ia juga digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan akibat penyakit yang melibatkan sendi dan otot seperti artritis dan *ankylosing spondylitis*.
- Untuk merawat demam ringan, seperti demam selsema, aspirin dapat mengurangkan suhu badan dan melegakan sakit kepala, sendi dan otot.
- Aspirin digunakan untuk mengurangkan pengumpulan dan pembekuan sel darah dalam rawatan awal gangguan kardiovaskular seperti angina (sakit dada) dan serangan sakit jantung dan untuk mencegah kejadian kardiovaskular pada individu yang berisiko.
- Kegunaan lain termasuk rawatan dan pencegahan gangguan cerebrovaskular seperti strok.

## Bagaimana Aspirin berfungsi

Aspirin mampu melegakan kesakitan, keradangan, dan mengurangkan demam.

## Sebelum menggunakan Aspirin

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah kepada aspirin atau Nonsteroidal Anti-inflammatory drugs (NSAIDs) atau mana-mana kandungan daripada formulasi ini.
- Tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.
- Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak atau remaja untuk merawat jangkitan virus.

- Jika anda mempunyai simptom asma, keradangna atau pertumbuhan yang tidak normal di dalam hidung.
- Sekiranya anda mengalami ulser di dalam perut atau usus kecil anda.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai:

- sejarah masalah gastrousus yang serius dan faktor risiko lain yang berkaitan dengan perut dan ulser usus (e.g. pemabuk, merokok, dan terapi kortikosteroid)
- mengalami penyakit hati atau kekurangan vitamin K
- gangguan pendarahan termasuk hemofilia yang diwarisi

### Mengandung dan menyusukan anak

- Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.
- Hanya diambil jika betul-betul diperlukan.
- Penggunaan semasa trimester ketiga kehamilan harus dielakkan.
- Aspirin harus dielakkan 1 minggu sebelum dan semasa bersalin.
- Ibu yang sedang menyusukan anak hendaklah mengelakkan penggunaan aspirin kerana salicylate terdapat di dalam susu ibu.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan Aspirin mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh Aspirin atau mungkin menjelaskan cara ia berfungsi.

Aspirin mungkin berinteraksi dengan:

- *Anticoagulant therapy* e.g Heparin and Warfarin (untuk mengelakkan pembekuan darah)
- *Acetazolamide* (untuk merawat glaukoma)
- *Angiotensin Converting Enzyme (ACE) Inhibitors, Beta Blockers* (membantu mengurangkan tekanan darah)

- *Anticonvulsants* (untuk menghalang merawat sawan)
- *Methotrexate* (untuk merawat kanser)
- *Diuretics* (pil air)
- *Uricosuric Agents*, e.g Probenecid dan Sulfinopyrazone (untuk meningkatkan pengeluaran asid urik di dalam air kecil)
- *Oral Hypoglycemics* (untuk merawat kencing manis jenis 2)
- *NSAID* berikutkan risiko ulser perut, pendarahan dan perforasi perut.

## Cara mengambil Aspirin

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Aspirin seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

**Dewasa:** 2-4 tablet sehari.

Untuk rawatan gangguan sendi termasuk artritis, dos 4 - 8g setiap hari dalam dos berasingan mungkin mencukupi.

### -Bila perlu diambil

Dos boleh diulang setiap 4 hingga 6 jam, sehingga 4g setiap hari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Aspirin seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mangambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

# ASPIRIN TABLET

Aspirin (300mg)

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan Aspirin dengan dos yang tinggi mungkin menyebabkan:

- Gangguan asid dan elektrolit serius boleh berlaku dan diikuti dengan peningkatan suhu badan dan dehidrasi.
- tahap karbon dioksida yang terlalu rendah, menyebabkan pH di dalam darah menjadi terlalu beralkali.
- kuantiti asid yang berlebihan.

## Semasa menggunakan Aspirin

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Aspirin.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Aspirin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Aspirin terhadap anda.
- Elakkan makanan/minuman yang mengandungi alkohol.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Aspirin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapat manfa-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- **Sistem saraf pusat:** kegelisahan, Bengkak pada otak, koma, kekeliruan, pening kepala, sakit kepala, pendarahan di dalam kepala, kelesuan, sawan.
- **Kardiovaskular:** Ritma jantung yang tidak normal, tekanan darah rendah dan rasa debaran peningkatan degupan jantung.
- **Cecair dan elektrolit:** Dehidrasi, tahap kalium yang tinggi dalam darah, tahap karbon dioksida turun terlalu rendah menyebabkan pH darah meningkat dan menjadi terlalu beralkali, dan badan menghasilkan jumlah asid berlebihan.
- **Gastrousus:** masalah penghadaman, pendarahan (anda mungkin mengalami najis berdarah atau berwarna hitam, sakit perut yang teruk dan muntah darah), ulser dan perforasi, loya, muntah, sementara meningkatkan enzim hati, keradangan hati yang menyebabkan kulit dan mata menjadi kekuningan, sindrom Reye (penyakit yang menyebabkan Bengkak pada otak dan hati), keradangan pankreas.

- **Pernafasan:** peningkatan pernafasan yang tidak normal, cecair berlebihan dalam paru-paru.

- **Urogenital:** Keradangan buah pinggang, kematian sel buah pinggang, protein berlebihan dalam air kencing, kekurangan fungsi dan kegagalan buah pinggang.

- **Darah:** Pertambahan masa prothrombin, pembentukan darah bekru pada saluran darah kecil, masalah pembekuan darah dan tahap platelet yang rendah dalam darah.

- **Hipersensitiviti:** tindak balas alahan yang serius, Bengkak di bawah kulit, asma, kesukaran bernafas, geligata.

- **Rangka otot:** kerosakan tisu otot rangka.

- **Metabolisma:** tahap gula yang rendah dalam darah (pada kanak-kanak), tahap gula yang tinggi dalam darah.

- **Reproduktif:** Tempoh kehamilan dan melahirkan yang panjang, kematian ketika lahir, kurang berat badan pada bayi yang baru dilahirkan, pendarahan selepas bersalin.

- **Deria khas:** Kehilangan pendengaran, bunyi deringan di dalam telinga.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Aspirin

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat, dwicembung, tidak bersalut dengan garis pembahagi.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif  
Aspirin

Bahan-bahan tidak aktif  
Colloidal Silicon Dioxide (Aerosil), Sodium Starch Glycolate (Type A), Pregelatinised Starch, Tepung jagung.

### -Nombor MAL

MAL1991 1353XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RIMUP

13/11/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)131117/00309